

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA**  
**TARIKH : 6 MEI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 27**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- a) Adakah Kementerian bercadang untuk mengatasi masalah gelandangan dengan menyediakan peluang pekerjaan, pendidikan dan bantuan saraan diri bagi membantu mereka meneruskan kehidupan dengan lebih baik; dan
- b) Berapakah jumlah kumpulan ini di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah dan sentiasa memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan golongan gelandangan dibantu dengan lebih berkesan dalam pelbagai aspek termasuk padanan kerjaya, pendidikan serta bantuan yang bersesuaian melalui rujukan ke Agensi yang berkaitan. Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan dalam isu gelandangan melalui kerjasama Kementerian, Agensi berkaitan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) secara berterusan.

Antara usaha-usaha yang telah diambil bagi menangani isu golongan gelandangan adalah :

1. Operasi Menyelamat dan Akta Orang Papa 1977 (AOP) yang berkaitan dengan gelandangan dan Institusi Kebajikan Desa Bina Diri (berumur 59 tahun ke bawah), Rumah Seri Kenangan (60 tahun ke atas) dan bantuan kewangan yang bersesuaian mengikut kes gelandangan.
2. Kementerian ini telah mengambil inisiatif menubuhkan **Anjung Singgah** yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara, Malaysia (YKN). Anjung Singgah merupakan sebuah Pusat Khidmat Bantuan Sosial membantu golongan gelandangan yang berpotensi untuk berubah. Penekanan dalam aspek kaunseling, bimbingan dan motivasi dilaksanakan kepada penghuni bagi meningkatkan daya tahan dan daya juang dalam mengharungi cabaran kehidupan serta memungkinkan perubahan sikap dan tingkah laku. Dengan kapasiti 288 buah katil di lima (5) buah Anjung Singgah seramai **7,047 orang gelandangan** telah mendaftar masuk secara sukarela sejak ianya ditubuhkan pada tahun 2011. Sehingga **Mac 2019** seramai **151 orang gelandangan** telah mendapat pekerjaan melalui padanan kerjaya di Anjung Singgah. Manakala Anjung Singgah akan merujuk kes yang memerlukan bantuan sosial lain seperti permohonan sewaan perumahan kos rendah, bantuan kewangan segera serta bantuan-bantuan lain yang disediakan oleh Agensi yang berkaitan.

## SOALAN NO. 27

3. Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui **Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL)** dengan kapasiti 150 katil turut menerima hampir kesemua kategori gelandangan warganegara di Kuala Lumpur. Sehingga kini seramai **2,315 orang** gelandangan telah mendaftar sebagai penghuni di PTGKL.
4. Seterusnya, **Program Rumah Bimbingan Gelandangan Kuala Lumpur** telah dilaksanakan melalui kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada gelandangan yang telah selesai program intervensi di Anjung Singgah dan mempunyai pekerjaan. Program ini melibatkan 20 buah unit rumah di Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan dan Perumahan Awam Seri Selangor, Kuala Lumpur dengan kadar sewa RM1.00 sehari bagi seorang penghuni. Sehingga kini seramai 53 orang gelandangan merupakan penghuni Rumah Bimbingan Gelandangan ini.
5. Seterusnya, **Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku** melalui DBKL telah dijadikan tempat agihan makanan tengah hari dan makan malam yang dilaksanakan secara berjadual oleh pihak NGO. Selain agihan makanan, aktiviti lain yang turut dijalankan adalah agihan barangan keperluan, pemeriksaan kesihatan, aktiviti *Free Market*, aktiviti kerohanian dan sambutan hari perayaan. Pusat ini tidak menyediakan penginapan kepada gelandangan dan tertumpu kepada aktiviti harian sahaja.
6. Seterusnya, Melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin dan sentiasa berusaha menyediakan akses pendidikan kepada semua warganegara Malaysia. Kementerian ini juga bertanggungjawab terhadap menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran kondusif bagi kanak-kanak gelandangan agar tidak tercicir daripada mencapai pembangunan pendidikan Malaysia selain sebagai persediaan untuk meneruskan kehidupan dengan lebih baik.

Sehubungan dengan itu, KPM telah menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) sejak 2013 bertempat di Lorong Haji Hussein Kuala Lumpur khusus untuk menangani isu pendidikan bagi kanak-kanak gelandangan di kawasan Kuala Lumpur.

Untuk makluman, SBJK menerima murid warganegara Malaysia dalam peringkat persekolahan daripada prasekolah hingga menengah atas

## SOALAN NO. 27

(berumur 5 hingga 17 tahun). Kategori kanak-kanak yang diterima masuk ke SBJK termasuklah:

- i. Kanak-kanak jalanan;
- ii. Kanak-kanak terpinggir;
- iii. Kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri; dan
- iv. Kanak-kanak yatim piatu yang tinggal di bawah pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar.

Latar belakang keluarga murid SBJK terdiri daripada anak-anak pekerja sosial, ibu bapa yang terlibat dalam gejala dadah, perilaku jenayah, institusi kekeluargaan yang kucar kacir, tidak mempunyai tempat tinggal tetap (gelandangan) dan golongan miskin tegar. Pengoperasian SBJK adalah secara *day care* dengan menyediakan pengajaran dan pembelajaran secara formal dan tidak formal termasuk menyediakan makanan percuma kepada semua murid dengan lima kali sajian sehari. Pembelajaran di SBJK pula memberi penumpuan utama kepada pembangunan agama atau moral dan sahsiah diri murid bagi membolehkan murid SBJK diterima oleh masyarakat. Selain itu, pembangunan blok asrama SBJK berkapasiti 200 pelajar berserta kemudahan lain telah pun diluluskan dan dalam proses pembinaan serta dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

KPM juga bekerjasama dengan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) mewujudkan Program *Outreach* yang dilaksanakan di sekitar Kuala Lumpur meliputi Chow Kit, Bukit Bintang, Brickfield dan kekerapan paling tinggi adalah di sekitar Kampung Baru. Program *Outreach* dilaksanakan melalui pendekatan berbentuk temu ramah dan ramah mesra bagi menarik minat dan menyedarkan tentang kepentingan bersekolah. Program *Outreach* ini melibatkan pengetua, guru dan NGO yang aktif sejak 2013 hingga kini. Program ini dilaksanakan setiap tiga bulan atau mengikut kesesuaian waktu.

Impak Program *Outreach* ini dapat dilihat melalui peningkatan enrolmen murid SBJK iaitu daripada seramai 43 orang pada awal penubuhan (19 Ogos 2013) kepada 152 orang pada April 2019. Bilangan ini telah melebihi kapasiti sebenar, iaitu 150 orang murid sahaja. Hal ini turut membantu KPM mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia. Kementerian sentiasa menyelaras dan memperkemas pelbagai inisiatif dan program serta bantuan yang dilaksanakan dalam membantu

## SOALAN NO. 27

gelandangan melalui pendekatan menyeluruh dalam membantu golongan dan diintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**  
**TARIKH** : **6 MEI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 65**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah ada usaha atau kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atau pemimpin masyarakat Orang Asli untuk memberi kesedaran dan seterusnya dapat mengurangkan jumlah bilangan perkahwinan di bawah umur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan menangani isu perkahwinan bawah umur, Kerajaan telah mengadakan beberapa siri sesi libat urus dengan izin, *engagement* dengan pelbagai pihak seperti Kementerian/Jabatan Kerajaan, ahli akademik, pakar hak asasi kanak-kanak, NGO, ahli agamawan dan wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak bagi memberikan gambaran situasi perkahwinan orang Islam, orang bukan Islam termasuklah Orang Asli dan perkahwinan adat di negeri masing-masing. Tujuan libat urus ini diadakan adalah sebagai advokasi kepada agensi Kerajaan yang berkaitan dan NGO supaya mengambil langkah dalam menggerakkan usaha memberikan kesedaran kepada kumpulan sasar masing-masing mengenai isu perkahwinan bawah umur.

Buat masa ini, Kementerian dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam tindakan menyediakan draf Garis Panduan Pendaftaran Perkahwinan Orang Asli. Garis panduan ini akan dijadikan sebagai rujukan berkenaan pendaftaran perkahwinan bagi Orang Asli yang berkahwin mengikut adat. JAKOA berperanan mengeluarkan surat pengesahan perkahwinan bagi memudahkan urusan pendaftaran perkahwinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Manakala Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah pihak berkuasa bagi urusan pendaftaran perkahwinan mengikut adat berdasarkan Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952.

Bagi tujuan menyediakan draf Garis Panduan Pendaftaran Perkahwinan Orang Asli yang komprehensif, JAKOA akan mengadakan konsultasi dengan Jabatan Perdana Menteri dan agensi Kerajaan yang berkaitan. Konsultasi khusus akan turut diadakan dengan masyarakat Orang Asli khususnya Pemimpin Orang Asli bagi mendapatkan pandangan berkaitan perkahwinan mengikut adat.

## SOALAN NO. 65

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah diharapkan supaya usaha yang telah digerakkan oleh JAKOA ini sedikit sebanyak dapat memberikan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan Orang Asli mengenai perkahwinan bawah umur dan dapat mengurangkan bilangannya dari semasa ke semasa.